



يونيسو سلطان زين العابدين
unisza
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM AKADEMIK ANJAL

UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UniSZA)

**PUSAT PENGURUSAN
KECEMERLANGAN DAN INOVASI
AKADEMIK**



1.0 TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan memberikan panduan kepada Fakulti dan Pusat Tanggungjawab yang berkaitan untuk pelaksanaan Program Akademik Anjal di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

2.0 LATAR BELAKANG

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam surat bertarikh 11 April 2023 (JPT.(A) 1000/001/019/01 Jld.30(19)) telah memaklumkan tentang pelaksanaan sistem pembelajaran anjal di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) bagi program akademik yang berpotensi bermula Sesi Akademik 2023/2024. Sistem pembelajaran anjal merujuk kepada program akademik konvensional yang dilaksanakan secara anjal.

Di antara objektif sistem Program Akademik Anjal adalah untuk:

- a) mengurangkan kos sara hidup pelajar
- b) meningkatkan keterangkuman dan akses pendidikan tinggi
- c) membolehkan pelajar menyusun aktiviti mereka dengan lebih fleksibel
- d) mengelakkan isu kekurangan penginapan pelajar

3.0 DEFINISI

Pembelajaran Akademik Anjal adalah program akademik konvensional yang boleh berubah secara terancang dari segi elemen anjal iaitu keberadaan pelajar, ruang pembelajaran, kaedah penyampaian, masa atau kaedah pentaksiran tanpa mengubah hasil pembelajaran program akademik (PLO).

4.0 CIRI-CIRI PROGRAM AKADEMIK ANJAL

Ciri-ciri Program Akademik Anjal (PAA) adalah seperti berikut:

- a) Struktur PAA merangkumi aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang melibatkan keberadaan pelajar di dalam kampus (SiC) dan di luar kampus (SoC) pada sesuatu semester pengajian, di mana, SoC dan SiC tidak boleh digabungkan dalam satu semester. Semester Latihan Industri dalam struktur PAA tidak termasuk dalam kategori SiC atau SoC;
- b) Kurikulum PAA boleh direka bentuk mengikut kerangka program yang bersesuaian, sebagai contoh, kerangka *Experiential Learning and Competency-based Education Landscape* (EXCEL);
- c) Aktiviti PdP dilaksanakan mengikut keberadaan pelajar dengan menggunakan ruang yang kondusif dan masa yang sesuai berdasarkan perancangan program pengajian;
- d) Kaedah penyampaian PAA boleh dilaksanakan sama ada secara fizikal, dalam talian dan/atau hibrid;
- e) Penyediaan bahan PdP yang bersesuaian bagi pelaksanaan PAA yang efektif, sebagai contoh, *Self-Instructional Materials* (SIM), *Massive Open Online Courses* (MOOC), *Micro-credentials* dan sebagainya;
- f) PAA menggunakan pelbagai kaedah pentaksiran yang bersesuaian mengikut keberadaan pelajar dengan mengambil kira pematuhan kepada integriti akademik. Sebagai contoh, peperiksaan buka buku (*open book examination*), portfolio dan sebagainya;
- g) Pelaksanaan PAA adalah tertakluk kepada ketetapan standard program dan standard badan profesional sekiranya berkaitan; dan
- h) Tidak melibatkan program akademik yang telah mendapat pengiktirafan akreditasi dari badan profesional tempatan (diiktiraf di bawah Akta MQA - Malaysian Qualifications Agency).

5.0 PELAKSANAAN

5.1 Dokumen Rujukan

Garis panduan ini perlu dibaca bersama dengan dokumen terkini yang dikeluarkan oleh JPT dan MQA seperti berikut:

- a) Garis Panduan Pelaksanaan Program Akademik Anjal, KPT;
- b) *Code of Practice for Programme Accreditation: Open and Distance Learning* [COPPA:ODL], Malaysian Qualifications Agency (MQA);
- c) Garis Panduan Pembangunan Program Akademik di Universiti Awam, Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT);
- d) Garis Panduan Pembangunan & Pelaksanaan Pembelajaran Teradun (*Blended Learning*), JPT;
- e) Garis Panduan Pelaksanaan Pembelajaran Teradun Gantian (Pembelajaran Dalam Talian), JPT;
- f) Garis Panduan Pelaksanaan Kursus Pembelajaran Hibrid di Institusi Pendidikan Tinggi, JPT; dan
- g) Lain-lain dokumen yang berkaitan.

5.2 Model Program Akademik Anjal

Kementerian Pendidikan Tinggi mencadangkan beberapa model pembelajaran anjal seperti Jadual 1:

Jadual 1: Model PAA

	Sem 1	Sem 2	Sem 3	Sem 4	Sem 5	Sem 6	Sem 7	Sem 8
Model 1	SiC	SiC	SoC	SoC	SiC	SiC	SoC	Industri
Model 2	SiC	SiC	SoC	SoC	SoC	Industri	SiC	SiC
Model 3	SiC	SiC	SoC	SoC	SoC	SiC	SiC	Industri
Model 4	SoC	SoC	SoC	SiC	SiC	SiC	SiC	Industri

Nota:

SiC – Pelajar di kampus

SoC – Pelajar di luar kampus

Mesyuarat Senat UniSZA kali ke 193 Bil. 8/2023 bertarikh 26 Julai 2023 telah bersetuju menggunakan Model 1 dan 3 untuk program pembelajaran anjal di UniSZA. Semua pelajar semester pertama perlu berada di kampus (SiC - *Student in Campus*) untuk mendedahkan pelajar kepada kehidupan kampus dan mendapatkan bimbingan awal serta asas akademik yang kukuh.

5.3 Kaedah Pelaksanaan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP)

- PAA perlu dilaksanakan dengan mengambil kira elemen utama anjal iaitu keberadaan pelajar.
- Jumlah jam kredit pembelajaran dalam talian tidak boleh melebihi 60% daripada jumlah kredit bergraduat.
- Pelaksanaan PAA perlu mengambil kira elemen seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2 : Elemen Anjal

Bil.	Elemen Anjal	SiC	SoC
1.	Keberadaan pelajar	Pelajar berada dalam kampus di lokasi yang ditetapkan.	Pelajar berada di pelbagai lokasi mengikut kesesuaian bagi pembelajaran masing-masing.
2.	Ruang pembelajaran (<i>learning space</i>)	Pelajar mengikuti aktiviti PdP mengikut ruang atau tempat yang ditetapkan, sebagai contoh bilik kuliah, makmal, studio, bengkel dan sebagainya.	Pelajar boleh mengikuti aktiviti PdP di salah satu atau gabungan ruang pembelajaran berikut: (i) ruang pembelajaran dalam talian; (ii) ruang pembelajaran fizikal; (iii) industri atau komuniti dalam kerangka EXCEL
3.	Kaedah Penyampaian	Aktiviti PdP boleh dilaksanakan menggunakan satu atau gabungan kaedah secara fizikal di dalam kampus, hibrid dan/atau pembelajaran teradun gantian (PTG).	Aktiviti PdP boleh dilaksanakan menggunakan satu atau gabungan kaedah secara fizikal di luar kampus (contoh di industri, komuniti), hibrid, PTG atau pembelajaran dalam talian (contoh penggunaan Kelip, MOOC, kursus <i>Micro-credential</i>).
4.	Masa	Aktiviti PdP dijalankan berdasarkan jadual waktu yang ditetapkan.	Aktiviti PdP boleh dijalankan mengikut kesesuaian.
5.	Kaedah Pentaksiran	Fakulti perlu mengambil kira keberadaan pelajar dan elemen anjal lain untuk menentukan kaedah pentaksiran.	

- d) Kursus yang ditawarkan serentak kepada pelajar di luar kampus bagi PAA dan pelajar bukan PAA yang berada di kampus pada semester yang sama boleh dijalankan dalam talian sepenuhnya atau secara hibrid dengan persetujuan pengurusan akademik fakulti.
- e) Kursus yang dijalankan dalam talian perlu menggunakan *Detailed Course Information (DCI) – version 2*. Manakala kursus yang dijalankan secara hibrid boleh menggunakan DCI sedia ada.
- f) Pelajar PAA bagi kategori berikut;
 - i) Mengulang kursus atau membaiki gred,
 - ii) Meneruskan semula pengajian setelah tangguh,
 - iii) Mengambil kursus di luar semester pengajian (contoh: pelajar yang mendapat pemindahan kredit),

perlu mengikuti kaedah penyampaian PdP kursus tersebut mengikut semester kursus itu ditawarkan.
- g) Pelajar yang mendaftar ke PAA dan bertukar ke program lain akan mengikuti struktur kurikulum PdP program baharu.

5.4 Pentaksiran Kursus (Assessment)

Penilaian kursus adalah seperti berikut:

- a) Penilaian perlu dijalankan mengikut *Detailed Course Information (DCI)*.
- b) Penilaian berterusan dan penilaian/peperiksaan akhir bagi semester pelajar di luar kampus perlu dijalankan secara dalam talian.
- c) Peperiksaan akhir untuk kursus yang ditawarkan serentak kepada pelajar SoC dan pelajar bukan PAA boleh dijalankan secara fizikal, hibrid atau dalam talian, bergantung kepada kesesuaian kursus.

6.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

Pelaksanaan PAA memerlukan tindakan dan kerjasama yang kolektif serta holistik daripada Pusat Tanggungjawab yang berkaitan.

(i) Fakulti

- a) Memastikan pelaksanaan polisi dan prosedur yang sesuai dan selari dengan garis panduan PAA UniSZA dan JPT.
- b) Menyemak struktur kurikulum agar bersesuaian dengan pelaksanaan pembelajaran anjal.
- c) Memastikan perancangan SiC dan SoC dilaksanakan dengan teratur dan sistematik.
- d) Memastikan kerangka kursus, isi kandungan, ruang, masa, semester dijangka supaya sesuai dengan keberadaan pelajar.
- e) Memaklumkan kepada pelajar berkaitan pelaksanaan PAA dengan jelas dan memastikan pelajar dapat mengikut PdP dengan berkesan.
- f) Melaksanakan pemantauan dan penambahbaikan kualiti berterusan (CQI) bagi memastikan pelaksanaan PAA yang berkesan.

(ii) Staf Akademik

- a) Membuat perancangan dan melaksanakan aktiviti PdP bagi kursus yang berkaitan mengikut keperluan PAA.
- b) Melaksanakan pentaksiran secara telus dan saksama, mengikut keperluan kursus dan program.
- c) Melaksanakan pemantauan dan penambahbaikan CQI bagi memastikan pelaksanaan PAA yang efektif dan berkesan.

- d) Memastikan keberadaan/ruang/kaedah penyampaian/masa/isi kandungan/ tahap/semester dan pentaksiran adalah sesuai dengan PAA.

(iii) Pelajar

- a) Memahami sistem pelaksanaan dan keperluan program dalam pembelajaran anjal.
- b) Mengambil tanggungjawab untuk belajar secara aktif dan terlibat dalam pembelajaran anjal.
- c) Mengatur jadual belajar dengan berdisiplin dan memastikan semua penilaian dapat dilaksanakan dengan teratur mengikut perancangan kursus.
- d) Berkomunikasi secara efektif dengan pensyarah dan rakan sekumpulan melalui platform komunikasi dalam talian yang dibenarkan oleh pihak universiti.
- e) Bertindak secara proaktif dalam mendapatkan bantuan dan sokongan jika menghadapi kesulitan dalam pembelajaran anjal.
- f) Sentiasa berhubung rapat dengan pensyarah dan mentor sama ada berada di dalam kampus atau di luar kampus.
- g) Berintegriti dan amanah semasa pelaksanaan program anjal dengan memastikan setiap tugas diselesaikan secara jujur, bertanggungjawab, dan mematuhi garis panduan yang ditetapkan.

7.0 PENUTUP

Pelaksanaan PAA diharap dapat menyokong inisiatif JPT, KPT terutama dalam mengatasi kos sara hidup pelajar, meningkatkan keterangkuman dan akses pendidikan tinggi.

TARIKH KUATKUASA

Garis panduan ini telah diluluskan dalam Mesyuarat Senat Bil. 11/2024 bertarikh 25 September 2024.

RUJUKAN:

Advisory Note No. 1/2023, MQA - Fleksibiliti Kaedah Penyampaian Secara Konvensional Program Pendidikan Tinggi.

Code Of Practice For Programme Accreditation: Open And Distance Learning [COPPA:ODL], MQA, 2019

Garis Panduan Pelaksanaan Pembelajaran Teradun Gantian (Pembelajaran Dalam Talian), JPT, KPM, 2019.

Garis Panduan Pembangunan & Pelaksanaan Pembelajaran Teradun (*Blended Learning*) 2020.

Garis Panduan Pembelajaran Akademik Anjal, KPT.

Garis Panduan Pelaksanaan Kursus Pembelajaran Hibrid di Institusi Pendidikan Tinggi, JPT.

Garis Panduan Pentaksiran Alternatif, JPT, KPT, 2022.

Surat Pemakluman Pelaksanaan Anjal di Institut Pendidikan Tinggi (JPT.(A) 1000/001/019/01 Jld. 30(19)), 11 April 2023.

LAMPIRAN 1

Jadual 3a : Contoh Simulasi Program Akademik Anjal
Sarjana Muda Sains Komputer (Pembangunan Perisian)

Tahun Pengajian	Tahun 1				Tahun 2				Tahun 3				Tahun 4		Jumlah Jam Kredit (JK)
Semester	Sem 1		Sem 2		Sem 3		Sem 4		Sem 5		Sem 6		Sem 7		
Keberadaan Pelajar	SiC		SiC		SoC		SoC		SiC		SiC		Industri		
Bil Kursus & Jam Kredit	Bil Kursus	Jam Kredit	Bil Kursus	Jam Kredit	Bil Kursus	Jam Kredit	Bil Kursus	Bil Kursus	Bil Kursus	Jam Kredit	Bil Kursus	Jam Kredit	Bil Kursus	Jam Kredit	
Kursus Konvensional	-	-	-	-	-	-	-	-	1	4	1	4	-	-	8
Kursus Teradun (30% - 79% SLT dalam talian-PTG)	7	18	8	20	-	-	-	-	3	15	3	15	-	-	68
Kursus Dalam Talian (Melebihi 80% SLT Dalam Talian)	-	-	-	-	6	18	7	20	-	-	-	-	-	-	38
Latihan Industri	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	12	12
Jumlah	7	18	8	20	6	18	7	20	4	19	4	19	1	12	126

Jadual 3b : Pecahan Jam Kredit Mengikut Keberadaan Pelajar

Perkara	Jumlah Jam Kredit	Peratusan (%)
SiC	76	60
SoC	38	30
Latihan Industri	12	10
Jumlah	126	100

Jadual 3c : Pecahan Jam Kredit Mengikut Kaedah PdP

Perkara	Jumlah Jam Kredit	Peratusan (%)
Kursus Konvensional	8	6
Kursus Teradun (PTG)	68	54
Kursus Dalam Talian	38	30
Latihan Industri	12	10
Jumlah	126	100

Jadual 4a : Contoh Simulasi Program Akademik Anjal
Sarjana Muda Bahasa Inggeris dengan Komunikasi (Kepujian)

Tahun Pengajian	Tahun 1				Tahun 2				Tahun 3				Tahun 4				Jumlah Jam Kredit (JK)
Semester	Sem 1		Sem 2		Sem 3		Sem 4		Sem 5		Sem 6		Sem 7		Sem 8		
Keberadaan Pelajar	SiC		SiC		SoC		SoC		SoC		SiC		SiC		Industri		
Bil Kursus & Jam Kredit	Bil Kursus	Jam Kredit	Bil Kursus	Jam Kredit	Bil Kursus	Jam Kredit	Bil Kursus	Jam Kredit	Bil Kursus	Jam Kredit	Bil Kursus	Jam Kredit	Bil Kursus	Jam Kredit	Bil Kursus	Jam Kredit	
Kursus Konvensional	3	6	5	11	-	-	-	-	-	-	-	-	2	9	-	-	26
Kursus Teradun (30% - 79% SLT dalam talian-PTG)	4	12	3	8	-	-	-	-	-	-	6	18	2	6	-	-	44
Kursus Dalam Talian (Melebihi 80% SLT Dalam Talian)	-	-	-	-	6	18	6	18	5	15	-	-	-	-	-	-	51
Latihan Industri	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	6	6
Jumlah	7	18	8	19	6	18	6	18	5	15	6	18	4	15	1	6	127

Jadual 4b : Pecahan Jam Kredit Mengikut Keberadaan Pelajar

Perkara	Jumlah Jam Kredit	Peratusan (%)
SiC	70	55
SoC	51	40
Latihan Industri	6	5
Jumlah	127	100

Jadual 4c : Pecahan Jam Kredit Mengikut Kaedah PdP

Perkara	Jumlah Jam Kredit	Peratusan (%)
Kursus Konvensional	26	20
Kursus Teradun (PTG)	44	35
Kursus Dalam Talian	51	40
Latihan Industri	6	5
Jumlah	127	100